

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN : 102

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perbezaan yang akan dimainkan oleh Industri Kereta Nasional Ketiga menjelang tahun 2020 berbanding Industri Kereta Nasional pertama (PROTON) dan Industri Kereta Nasional Kedua (PERODUA) dalam memberi manfaat pekerjaan kepada rakyat khususnya Bumiputera. Adakah sasaran jualan Industri Kereta Nasional Ketiga di peringkat antarabangsa lebih baik berbanding industri kereta nasional sebelum ini.

JAWAPAN: **YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat projek kereta nasional baharu mempunyai pendekatan yang agak berbeza dengan pengeluar kereta nasional sedia ada kerana bakal menggabungkan beberapa buah syarikat teknologi dan pembekal tempatan bagi menghasilkan sebuah kenderaan.

Ucapan YAB Perdana Menteri semasa mengumumkan mengenai projek kereta nasional baharu dalam Bahasa Inggeris dengan izin, “*The idea about*

SOALAN NO. 102

investing in national car is not just about building a national car, it's about becoming a catalyst for growing the Malaysian engineering capability”.

Ianya juga adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan bukan lagi sebagai negara pengguna akan dapat dicapai dan dimanifestasikan sejajar dengan Malaysia baru yang fokus dengan pembangunan sains dan teknologi.

Ianya secara tidak langsung dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan terutamanya kepada belia-belia tempatan dalam bidang kejuruteraan dimana iannya adalah salah satu kunci penting kepada Malaysia untuk menjadi negara pengeluar.

Bagi mencapai objektif tersebut, Projek kereta Nasional Baharu perlu mensasarkan pasaran serantau ASEAN dan juga di peringkat global dan tidak hanya tertumpu kepada pasaran domestik. Dengan seramai lebih daripada 640 juta orang penduduk, ASEAN memang menjadi satu pasaran yang kuat di dalam dunia dan ini sudah lama disedari oleh syarikat-syarikat automotif yang telah bertapak di rantau ini sejak dari dahulu lagi.

Untuk terus bersaing diperingkat serantau dan global, kerajaan juga akan meneliti dari semua sudut dalam membawa industri automotif ke tahap seterusnya. Kereta nasional baharu sudah tentu akan berpaksikan pengalaman dan kepakaran yang telah dibina oleh ekosistem automotif sehingga kini, bersesuaian dengan trend pasaran dunia.

Sekian, terima kasih.